



Headline: Terkejut baki akaun hanya RM100  
Publication/Portal: Sinar Harian  
Date: 19 January 2020

Language: Malay  
Section: Dari Pahang  
Page: 30

# Terkejut baki akaun hanya RM100

Wanita ditipu Macau  
Scam, kerugian  
RM59,500

Oleh NORAWAZNI YUSOF

**KUANTAN**

**S**eorang wanita terkejut apabila mendapati wang dalam simpanannya berjumlah RM59,600 hanya berbaki RM100 selepas diperdaya anggota sindiket Macau Scam.

Mangsa berusia 57 tahun menyedari wang simpanannya berbaki hanya RM100 selepas menyemak semula akaunnya petang kelmarin.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, kejadian tersebut bermula apabila mangsa dituduh terlibat kes pengubahan wang haram dan diminta memindahkan wang simpanannya ke dalam akaun yang selamat.

Menurutnya, mangsa yang panik selepas mendapat tahu

dirinya terlibat dengan pengubahan wang haram bertindak mengikuti semua arahan anggota sindiket Macau Scam itu.

“Difahamkan kejadian itu bermula pada Khamis lalu apabila mangsa menerima panggilan daripada seorang wanita kononnya wakil sebuah syarikat perbankan dan mendakwa mangsa mempunyai tunggakan pinjaman peribadi RM50,000 yang sehingga kini gagal dilunaskan.

“Mangsa menafikan perkara tersebut, namun talian mangsa disambungkan kepada seorang lelaki yang menyamar sebagai polis dan memaklumkan mangsa terlibat kes pengubahan wang haram,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mohd Wazir berkata, walaupun mangsa membuat penafian, talian mangsa disambungkan kepada seorang lagi lelaki yang kononnya pegawai polis bagi menguatkan lagi dakwaan mangsa terlibat dengan jenayah tersebut.



**MOHD WAZIR**

Katanya, suspek telah meminta mangsa memasukkan wang ke dalam akaun pegawai bank yang menghubunginya bagi memastikan wang simpanannya selamat.

“Mangsa bersetuju dan telah menukar kad mesin

pengeluaran wang automatik (ATM) dan mengemas kini telefon dalam akaun tersebut seperti yang minta.

“Mangsa mengikuti semua arahan daripada suspek kerana bimbang dirinya akan dikenakan tindakan undang-undang,” katanya.

Mohd Wazir berkata, mangsa kemudian membuat laporan polis selepas merasakan dirinya telah ditipu apabila mendapati wang simpanannya lesap.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu,” katanya.

Beliau menasihatkan orang ramai supaya merujuk pihak polis sekiranya menerima panggilan yang meragukan daripada mana-mana pihak.